

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
ANNUAR BIN MUSA
(KETEREH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31.10.2016

Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA [KETEREH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakan kutipan GST yang diperolehi membantu kewangan negara yang terjejas akibat kejatuhan komoditi utama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan GST bermula 1 April 2015, sejajar dengan usaha mempelbagaikan sumber hasil terutamanya hasil cukai dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil berasaskan

komoditi, khususnya petroleum. GST bukanlah cukai baharu tetapi adalah cukai yang menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). GST juga dapat meningkatkan kecekapan, ketelusan serta memberi kesaksamaan dan mesra perniagaan. Kutipan GST pada tahun 2015 berjumlah RM27 bilion dan jauh lebih tinggi daripada kutipan SST pada tahun 2014 yang berjumlah RM17.2 bilion. Bagi tahun 2016 pula, kutipan GST dianggarkan sebanyak RM38.5 bilion dan diunjur terus meningkat kepada RM40 bilion pada tahun 2017. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan GST sehingga Oktober 2016 adalah sekitar RM30 bilion.

Pelaksanaan GST telah meluaskan asas percukaian (*broaden tax based*) dan meningkatkan kepatuhan oleh pembayar cukai. Seterusnya, langkah ini juga telah mengurangkan kebergantungan Kerajaan kepada hasil berasaskan petroleum. Ini penting memandangkan harga minyak mentah dunia adalah tidak menentu dan kejatuhan harga tersebut telah menjejaskan hasil Kerajaan. Pada masa ini, sumbangan hasil berkaitan petroleum kepada jumlah keseluruhan hasil telah berkurang daripada 41.3% pada tahun 2009 kepada 21.5% pada tahun 2015. Peratusan ini dijangka terus berkurang kepada 14.6% pada tahun 2016 dan 13.8% pada tahun 2017. Walaupun harga minyak yang rendah turut menyumbang kepada penurunan peratusan ini, namun dengan pelaksanaan GST,

kutipan keseluruhan hasil adalah lebih stabil dan tidak terlalu bergantung kepada hasil berkaitan petroleum serta telah dapat menampung sebahagian besar pengurangan hasil berikutan harga minyak mentah dunia yang rendah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2016 (ISNIN)

SOALAN : 30

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status laporan serpihan pesawat MH370 di perairan Afrika Selatan, Mozambique, Mauritius dan Tanzania dan adakah pihak Kerajaan telah menjalankan siasatan bersama Australian Transport Safety Bureau untuk mengesahkan serpihan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, serpihan yang dijumpai di perairan Afrika Selatan, Mozambique, Mauritius dan Tanzania telah dihantar ke *Australian Transportation Safety Bureau (ATSB)* bagi tujuan analisa, selaras dengan peruntukan di bawah perjanjian komprehensif *Memorandum Of Understanding On Cooperation Between The Government Of Malaysia And The Government Of Australia In Relation To MH370* serta *Supplemental Arrangement to the MoU On Cooperation Between The Government Of Malaysia And The Government Of Australia In Relation To MH370 (Search for MH370)* ("*Search Supplemental Arrangement*") yang ditandatangani oleh Malaysia dan Australia pada 28 Ogos 2014.

Sehingga kini bangkai (*main wreckage*) pesawat MH370 masih tidak ditemui. Walau bagaimanapun, sebanyak 22 serpihan (*debris*) dipercayai dari pesawat tersebut telah ditemui dan signifikan untuk dibuat pemeriksaan terperinci. Serpihan yang dijumpai terdampar di Tanzania (sebahagian *outboard flap* kanan) dan Mauritius (*outboard flap* kiri) telah disahkan adalah serpihan MH370. Manakala serpihan yang ditemui di Afrika Selatan dan Mozambique telah dikenal pasti sebagai serpihan yang *almost certain* daripada MH370.